

Tabung Wakaf Ilmu UPM dapat dana RM50,000

Noor Eszereen Jufri

bhvarsiti@bharian.com.my

SERDANG: Tabung Wakaf Ilmu Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya memperoleh dana selung berjumlah RM50,000 sumbangan Puncak Niaga Sdn Bhd pada program Sehari Bersama Pengerusinya, Tan Sri Rozali Ismail, baru-baru ini.

Sumbangan disampaikan Rozali yang juga Pro-Canselor UPM pada majlis penutup program yang berlangsung di Dewan Jauhari, Kolej Sultan Alauddin Suleiman Shah (KOSSAS), UPM.

Berucap dalam majlis itu, Rozali berharap program terbabit dapat diteruskan pada masa akan datang

demi manfaat universiti.

"Penganjuran program itu bagi memenuhi tanggungjawab sosial korporat terhadap pembangunan pelajar khususnya dalam mempertingkatkan pengetahuan pelajar dalam dunia pekerjaan yang sebenar," katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (TNC) (Jaringan Industri dan Masyarakat) UPM, Prof Dr Tai Shzee Yew, berkata tabung yang ditubuhkan pada Oktober tahun lalu itu akan menyediakan peluang lebih luas kepada semua lapisan masyarakat melaksanakan aktiviti kebajikan.


"Dana sama juga akan dimanfaatkan untuk penyediaan kemudahan bagi aktiviti keilmuan dakwah, penyelidikan dan khidmat komuniti yang

menjadi aktiviti teras universiti.

"Program berkenaan turut memberi peluang kepada mahasiswa UPM mengenali Tan Sri Rozali dengan lebih rapat selain bertukar pandangan dan kepakaran beliau dalam bidang korporat," katanya.

Program diisi dengan pertandingan golf dan boling persahabatan antara staf universiti dengan Puncak Niaga bagi memupuk hubungan selain mengeratkan jaringan industri antara kedua-dua belah pihak.

Pasukan golf UPM yang diketuai TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan menjuarai pertandingan golf, manakala pasukan UPM 3 pula menjuarai acara boling.



ROZALI menyerahkan cek bernilai RM50,000 kepada Prof Tai untuk disumbangkan kepada Tabung Wakaf Ilmu UPM.